

Bahagian Sokongan Penyelidikan dan Pendidikan.

*Azman Bin Chik
Bahagian Sokongan Penyelidikan & Pendidikan
Pusat Teknologi Maklumat
Canselori
abc@ukm.my*

Bahagian Sokongan Penyelidikan dan Pendidikan (BSPP) dulunya dikenali sebagai Bahagian Komputeran Termaju (BKT) merupakan satu bahagian di Pusat Teknologi Maklumat UKM yang melapor terus kepada Timbalan Pengarah Sokongan Penyelidikan dan Pendidikan PTM. Nama BSPP telah diluluskan penggunaannya di dalam Mesyuarat Pengurusan PTM Bil 1/2014 sesuai dengan tambahan peranan barunya iaitu menyokong e-learning.

Bidang tugas utama BSPP adalah menyokong penyelidikan dan pendidikan dalam bentuk prasarana ICT yang diperlukan supaya aktiviti penyelidikan dan pendidikan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Dalam menyokong penyelidikan, BSPP telah mengenalpasti kitar hayat penyelidikan dan cuba menyediakan sokongan ICT yang sesuai di setiap kitar hayat tersebut. Kitar hayat penyelidikan yang telah dikenalpasti adalah Penemuan idea, Geran/Kelulusan, Menjalankan penyelidikan dan Penyebaran hasil penyelidikan. Sebagai contoh, dalam kitar hayat menjalankan penyelidikan, BSPP telah menyediakan sokongan ICT dalam bentuk sistem aplikasi Sistem Soal selidik dalam talian (3SDT) untuk memudahkan penyelidik membangunkan soal selidik dan apabila ianya dalam talian, penyelidik boleh mengedarkan soal selidik tersebut kepada responden yang lebih besar dan melangkaui sempadan geografi. Selain daripada Sistem Soal selidik dalam talian (3SDT), BSPP juga menyediakan Sistem Pengurusan Jurnal dalam talian, Sistem Pengurusan Persidangan, Sistem Sidang Video berasaskan web V-CUBE dan MyREN Cloud.

Sokongan ICT kepada pendidikan merupakan tanggungjawab baru yang diamanahkan kepada BSPP. Untuk menyokong pendidikan, BSPP telah menggerakkan perbincangan dengan Pusat Pembangunan Akademik (PPA) untuk menentukan hala tuju e-pembelajaran di UKM dan mengenaplasti sokongan yang boleh diberikan oleh BSPP untuk mencapai sasaran hala tuju

tersebut. BSPP juga merujuk kepada Dokumen Dasar E-Pembelajaran Negara (DePAN) bagi memastikan persediaan yang dibuat selaras dengan halatuju DePAN. Antara perancangan awal BSPP untuk menyokong e-pembelajaran adalah menyediakan platform untuk kandungan digital untuk kegunaan pensyarah menyimpan kandungan digital mereka sebelum digabungkan menjadi satu produk akhir yang boleh diletakkan di portal e-pembelajaran atau *Massive Open Online Courses (MOOCs)*.

BSPP mempunyai kekuatan sumber manusia seramai tujuh orang iaitu seorang Pegawai Teknologi Maklumat F44, dua orang Pegawai Teknologi Maklumat F41, seorang Pereka Instruksional B41, seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F38 dan dua orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29 untuk menyokong penyelidikan dan pendidikan.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, BSPP diberikan ruang lingkup di luar SMU untuk mana-mana sistem yang dibangunkan atau diperkenalkan untuk menyokong penyelidikan dan pendidikan. Sehubungan dengan itu BSPP telah mengambil pendekatan untuk mengutamakan penggunaan perisian sumber terbuka (OSS) yang dapat menyokong penyelidik dan ahli akademik. Jika tiada perisian OSS yang sesuai, barulah pembangunan aplikasi akan dilakukan.